

06 JUL 1999

Ting-Rumah

KERAJAAN NEGERI PERLU CEPATKAN LAGI PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH

PETALING JAYA, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menulis kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri menggesa supaya dipercepatkan pelaksanaan projek perumahan kos rendah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh yang menyatakan demikian hari ini berkata kerajaan pusat belum berpuas hati dengan pencapaian kerajaan-kerajaan negeri dalam pembinaan rumah kos rendah.

"Walaupun ada projek dilaksanakan di semua negeri, usaha itu masih perlu dipertingkatkan. Setakat ini pelaksanaan projek rumah kos rendah oleh kerajaan negeri masih belum mencapai tahap yang diharapkan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Perumahan Negara.

Sidang kemuncak dua hari anjuran bersama Institut Strategi dan Kemimpinan Asia (Asli) dan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) itu telah dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam tadi bersetuju bahawa kerajaan pusat, kerajaan negeri dan pemaju perumahan perlu mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah terutama yang diperuntukkan kepada Bumiputera.

Ting berkata kerajaan persekutuan sedang membina 35,000 unit rumah kos rendah bernilai RM1.4 bilion di sekitar Kuala Lumpur menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewakan kepada golongan miskin terutama yang tinggal di kawasan setinggan.

Progam berkenaan akan diperluaskan ke semua negeri bagi menampung keperluan golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan rumah kos rendah yang masih belum dipenuhi oleh kerajaan negeri, katanya.

Beliau berkata, kelewatan kerajaan negeri membina rumah kos rendah kebanyakannya berpunca daripada masalah kelemahan perancangan untuk mendapatkan tanah yang sesuai.

"Kadang-kala dipilih satu tapak (projek perumahan) tetapi kemudiannya didapati tapak itu tidak begitu sesuai," katanya.

Ting berkata, harga tanah yang tinggi di kawasan tertentu menyebabkan pemilihan tapak projek perumahan kos rendah sering manghadapi masalah.

Sementara itu Ting berkata, cadangan kementerian memperkenalkan sistem penarafan menggunakan kod warna kepada pemaju perumahan akhir tahun ini bertujuan menjadikan industri perumahan di negara ini lebih sihat.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan kerajaan akan berunding terlebih dahulu dengan semua pihak yang terbabit dengan industri perumahan bagi menghasilkan keputusan yang adil.

-- BERNAMA

RZS NMO